

Bomba Poland temui 100 tan ikan mati

84 18/8/2022 msi. 28

Warsaw: Anggota bomba Poland memaklumkan menemui 100 tan ikan mati dari sungai Oder yang mengalir melalui Jerman dan Poland, meningkatkan kebimbangan mengenai bencana alam sekitar.

"Kami tidak pernah menjalankan operasi sebegini di sungai sebelum ini," kata Monika Nowakowska-Drynda, dari pejabat media bomba kebangsaan.

Beliau mengesahkan kiranya 100 tan ikan mati ditemui sejak Jumaat.


Punca kematian tidak dapat dipastikan, walaupun pegawaiannya percaya ikan itu ber kemungkinan diracun.

"Mungkin sejumlah besar sisa kimia telah dibuang ke dalam sungai dan mereka tahu mengenai risiko dan akibatnya," kata Perdana Menteri Poland, Mateusz Morawiecki, minggu lalu.

Kaji punca semula jadi

Bagaimanapun, Menteri Iklim dan Alam Sekitar, Anna Moskwa, semalam berkata, kesemua sampel yang diuji setakat ini tidak menunjukkan kehadiran bahan toksik.

Beliau berkata, kerajaan ju-



Air tercemar dipercaya menyebabkan 100 tan ikan mati di sungai Order.

(Foto AFP)

ga sedang mengkaji kemungkinan punca semula jadi khususnya kepekatan bahan pencemar dan masin yang lebih tinggi akibat paras air yang lebih rendah dan suhu tinggi.

Jelasnya, hipotesis ketiga yang sedang diteliti ialah air sisa industri dengan kandungan

klorin yang tinggi dituangkan ke dalam sungai.

Sampel air juga sudah diantar ke makmal di Republik Czech, Belanda dan Britain dengan harapan dapat mencari puncanya.

Laporan pertama kematian ikan besar-besaran dibuat oleh penduduk tempatan dan peman-

cing Poland seawal 28 Julai lalu.

Pegawai Jerman menuduh pihak berkuasa Poland gagal memaklumkan mereka me ngenai perkara itu dan terkejut susulan gelombang ikan yang mati serta kelihatan terapung.

AFP